

Isnin – 17 Ogos 2020

Halaman : 14

ISNIN, 17 OGOS 2020 BH

Nasional

PRK DUN Slim

‘Tolong selesaikan masalah air kami’

Penduduk Orang Asli terputus bekalan sejak 7 bulan lalu selepas pam rosak

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
bhnews@bh.com.my

Slim River: Penduduk Orang Asli di sini mengharapkan simpati daripada pihak berkuasa supaya dapat mengatasi masalah mereka untuk mendapatkan bekalan air terawat.

Ia membabitkan 247 ketua rumah di empat kampung Orang Asli iaitu Kampung Changkat Ramu, Kampung Sungai Teras, Kampung Buluh Seruas dan Kampung Sungai Jentong.

Mereka mendakwa, sukar mendapatkan bekalan air bersih sejak tujuh bulan lalu berikutan pam yang menyedut sumber air mentah dari dalam tanah untuk menyalurkan bekalan ke rumah rosak dan tidak dibaiki.

Susulan itu, mereka terpaksa bergantung kepada air telaga untuk kegunaan sehari-hari terutama mandi, memasak dan mencuci pakaian.

Seorang penduduk Kampung Changkat Ramu, Hanjati Merah, 56, berkata beliau tidak ada pilihan selain terpaksa menggunakan telaga bagi mendapatkan air.



BHTV



Hanjati membasuh pakaian menggunakan air perigi di Kampung Orang Asli Changkat Ramu, Slim River, semalam.

(Foto Sharul Hafiz Zam/BH)

Katanya, keadaan itu menyukarkannya yang terpaksa mengangkut air sehingga 100 meter dari telaga yang dibuat sendiri.

“Saya mengangkut air pada waktu pagi dan petang kerana suami tidak boleh berjalan selepas kemalangan motosikal empat bulan lalu.

“Kami terpaksa bergantung dengan air telaga untuk melakukan aktiviti harian terutama untuk

mandi, memasak dan membiasuh walaupun kualitinya kurang baik,” katanya kepada BH, semalam.

Sementara itu, tok batin kampung berkenaan, Latah Merah, 62, berkata, sebelum ini, Lemba Air Perak (LAP) menghantar bekalan air menggunakan tangki, tetapi terpaksa dihentikan kerana masalah jalan.

Katanya, selain bergantung ke-



Latah Merah

pada air hujan dan telaga, penduduk terpaksa ke sungai berhampiran 500 meter untuk mendapatkan air.

“Mengambil air di sungai memang berisiko, tetapi kami terpaksa untuk meneruskan hidup.

“Setiap kali jumpa penduduk, mereka akan bertanya bila masalah air mahu selesai.

“Kami tidak mahu menunggu lama lagi dan berharap ada bekalan air daripada LAP secepat mungkin,” katanya.

Bagi Kampung Orang Asli Sungai Teras pula, selain dibelenggu masalah bekalan air sejak tiga tahun lalu, lebih 40 rumah penduduk juga masih tiada bekalan elektrik.

Tok batin, Kuloh Bah Rinteh, 62, berkata, sepatutnya mereka menerima bekalan pada 2018, tetapi sehingga kini pendawaian belum diselesaikan.

“Penduduk terpaksa mengambil air perigi dan menggunakan jana elektrik, pelita serta lilin. Tanpa bekalan elektrik menyukarkan aktiviti harian terutama pelajar untuk mengulang kaji.

“Masalah elektrik pernah mendapat perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Slim (arwah Datuk Mohd Khusairi Abdul Talib) dan arwah berusaha mencari jalan untuk mendapatkan kemudahan ini.

“Kami berharap sangat pendawaian elektrik dapat dibuat secepat mungkin dan ada penyelesaian untuk masalah air,” katanya.